

04/11/1997

Suharto hargai bantuan Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Suharto dari Indonesia mengucapkan terima kasih kepada Malaysia atas bantuan negara ini untuk memadamkan kebakaran hutan dan pinjaman AS\$1 bilion untuk menyelesaikan krisis kewangan yang dihadapi republik itu.

Ucapan terima kasih itu disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir apabila bertemu dalam mesyuarat dua hala pada Sidang Kemuncak G-15, di sini, hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Suharto turut mengucapkan terima kasih atas kesediaan Malaysia kerana sudi mengambil alih tanggungjawab menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak kali ketujuh ini.

"Indonesia sepatutnya menjadi tuan rumah pada sidang kali ini atas sebab tertentu. Oleh kerana itu, Presiden Suharto berterima kasih kepada Malaysia atas kesudiannya mengambil alih tugas sebagai tuan rumah.

"Suharto juga mengucapkan terima kasih atas bantuan Pasukan Penyelamat Smart Malaysia yang turut bertungkus-lumus membantu memadamkan kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan," katanya.

Bulan lalu, Malaysia menghantar satu pasukan bomba penyelamat untuk membantu mengatasi masalah kebakaran hutan di Indonesia yang mengakibatkan keadaan berjerebu teruk di negara ini dan juga negara jiran.

"Di samping itu, Suharto turut mengucapkan terima kasih atas sokongan dan semangat setiakawan yang ditunjukkan Malaysia ketika republik itu menghadapi krisis mata wang. Menurut beliau, Indonesia bukanlah mahu (bantuan berkenaan) tetapi semangat dan kerjasama yang ditunjukkan amat dihargai," kata Abdullah.

Sementara itu, Menteri Luar berkenaan berkata, dalam pertemuan itu, Perdana Menteri juga melahirkan rasa gembira kerana Sidang Kemuncak G-15 kali ini berjaya mendapat sambutan daripada kalangan negara ahli.

"Perdana Menteri berkata, mesyuarat peringkat menteri dan sidang kali ini berjaya membuahkan hasil. Beliau berharap negara sahabat seperti Indonesia akan terus memberi sokongan dan kerjasama untuk menjayakan sidang akan datang," katanya.

(END)